

TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERTHORMAT TUAN NGA KOR MING
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA
TAHUN 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN DAN
KONGRES PERANCANGAN KEBANGSAAN
(*NATIONAL PLANNING CONGRESS-NPC*)**

28 OKTOBER 2025 (Selasa)

9.00 Pagi

DEWAN PERSIDANGAN

KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA



Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

SALUTASI DISEDIAKAN BERASINGAN

Yang Amat Berhormat **Datuk Amar**, **Dato' Seri**, Dato'-Dato',
Tuan-Tuan dan Puan- Puan para hadirin yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Dengan penuh sukacita, saya mengalu-alukan **YAB Datuk Amar**, YBhg. Dato' Seri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan ke Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2025 Peringkat Kebangsaan yang diraikan seiring dengan penganjuran Kongres Perancangan Kebangsaan 2025 (National Planning Congress-NPC 2025).
2. Kehadiran **YAB Datuk Amar** Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri, untuk merasmikan majlis sebentar nanti memberi makna besar kepada kita semua. Ia merupakan satu tanda sokongan padu Kerajaan MADANI terhadap profesion perancang bandar, pengurus-pengurus bandar serta agenda perancangan pembangunan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS)

3. Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) ini bukan sekadar sebuah perayaan simbolik, tetapi **manifestasi penghargaan terhadap profesion perancang bandar dan pengurus-pengurus bandar** yang menjadi tulang belakang kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Tahun ini adalah tahun ke 37 sambutan HPBS disambut di Malaysia. Tema yang dipilih, “**Pembaharuan Semula Bandar: Agenda Perancangan Untuk Rakyat**”, memberi mesej jelas bahawa pembangunan bandar bukan hanya soal bangunan dan infrastruktur semata-mata, tetapi tentang **membina kehidupan, membina harapan dan membina masa depan** untuk rakyat.
4. Seiring dengan Sambutan HBPS 2025, kita turut meraikan **suatu platform perkongsian ilmu yang profesional dan dinamik** melalui Kongres Perancangan Kebangsaan (National Planning Congress - NPC). Tahun ini, *National Planning Congress* mengetengahkan tema yang futuristik — “**AI Meets Urban Planning.**” Dalam era revolusi kecerdasan buatan yang sedang berkembang pesat, kita harus memastikan agar tidak ketinggalan dalam memanfaatkan teknologi ini. Kecerdasan buatan bukanlah untuk menggantikan peranan manusia, tetapi berfungsi sebagai **rakan pintar** yang membantu perancang

dan pengurus bandar membuat keputusan yang lebih **tepat, pantas, dan berkesan**, berasaskan data raya dan bukti kukuh.

5. Dalam bab ini, NPC telah melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, termasuk golongan muda melalui *Student's Placemaking Workshop* yang menghimpunkan pelajar sekolah dan perancang bandar profesional, serta *Young Planners' Forum* yang membincangkan isu-isu kemampanan bersama generasi muda.
6. Saya difahamkan juga *MyCity Expo* telah melibatkan pihak swasta dan institusi akademik untuk mempamerkan inovasi serta teknologi pembangunan bandar, manakala *MyCity Run* juga telah menerima penyertaan yang amat menggalakkan daripada orang awam. Ini adalah satu contoh yang baik dalam merealisasikan prinsip 4P iaitu "people-public-private partnership."
7. Dengan penglibatan semua pihak, saya yakin kita dapat membina bandar yang benar-benar lestari, berdaya tahan dan berdaya saing demi masa depan yang lebih mampan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada penganjur, Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP).

Para hadirin sekalian,

PENGUNAAN TEKNOLOGI DALAM MENGHADAPI CABARAN URBANISASI

8. Pada tahun 2024, kadar urbanisasi Malaysia telah mencecah **75.8%** dan dijangka akan meningkat sehingga **85%** menjelang tahun **2040**. Fenomena ini membawa pelbagai cabaran perbandaran, antaranya termasuklah **kemampuan memiliki rumah, pencemaran bandar, isu keselamatan, transformasi digital** serta tekanan terhadap **penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan bandar** yang efisien.
9. Dalam menghadapi cabaran urbanisasi yang semakin kompleks ini, kita tidak boleh mengetepikan hakikat bahawa transformasi digital kini muncul sebagai salah satu isu perbandaran yang **memerlukan perhatian serius**. Ia bukan sekadar berkaitan dengan penggunaan teknologi canggih, tetapi yang lebih penting ialah **memastikan bandar-bandar kita mampu menyediakan akses yang selamat dan saksama** kepada semua lapisan masyarakat.
10. **Jurang digital** yang wujud mesti dirapatkan, manakala **infrastruktur, tadbir urus data, dan ekonomi bandar** perlu diperkukuh agar seiring dengan **tuntutan era digital termasuk Kecerdasan Buatan (AI)**.
11. Dalam bab ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kita kini menggunakan infrastruktur digital sebagai asas kecerdasan: kita telah melihat pelaksanaan *Smart Street Light* oleh

Perbadanan Putrajaya, Majlis Perbandaran Kuala Langat dan *Smart Pole* di bandar-bandar utama seperti Shah Alam, Johor Bahru, dan Teluk Intan, yang bukan sahaja meningkatkan kecekapan tenaga tetapi juga menjadi nod sambungan digital di bandar.

12. Smart Traffic Light juga telah dipasang di Seremban dan Manjung, manakala inisiatif CCTV Pintar telah dilaksanakan di Sibu dan Muar. Selain itu, Smart Pedestrian Crosswalk turut dipasang di Batu Pahat dan Kuantan. Kesemua inisiatif ini secara langsung meningkatkan keselamatan rakyat serta merupakan usaha penting dalam merealisasikan aspirasi *Smart Nation* menjelang tahun 2040.

Para hadirin sekalian,

PENGUBALAN RUU PSB SEBAGAI LANGKAH REFORMASI

13. **Pengubalan Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar (RUU PSB)** juga merupakan satu langkah **reformasi perundangan penting** untuk memperkukuhkan tadbir urus bandar dan menjadi asas kukuh untuk menghadapi cabaran pembangunan masa hadapan.
14. Dalam konteks ini, persoalan asas yang mesti kita renungkan ialah erti sebenar rumah dalam kehidupan rakyat. Apakah hak kita untuk meniadakan **keperluan mendesak pembaharuan**

semula dibuat, khususnya bagi menggantikan perumahan yang **sudah uzur, rosak, malah tidak selamat?**

15. Lebih-lebih lagi apabila isu ini membabitkan **golongan berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan**, yang tidak sewajarnya terus dibebani dengan keadaan hidup yang tidak terjamin. Justeru, agenda pembaharuan semula bandar bukan sahaja soal fizikal, tetapi juga **soal maruah dan kesejahteraan rakyat**.
16. Kita tidak boleh membiarkan wujudnya situasi ‘bandar dua darjat’ – satu kawasan membangun pesat, sementara ada kawasan yang semakin terabai dengan **bangunan lama, infrastruktur usang dan isu sosial yang berlarutan**. Justeru, **pembaharuan semula bandar bukan lagi sekadar pilihan, tetapi suatu tuntutan mendesak** - agenda penting yang perlu kita tangani dengan strategi bersepadu, **melibatkan kerajaan, swasta dan komuniti**.
17. Sehubungan itu, penggubalan Akta PSB menjadi **amanah besar** kepada profesion perancang bandar dan pengurus-pengurus bandar dalam membentuk masa depan bandar yang **responsif dan berdaya huni**.
18. Tindakan ini seiring dengan **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13)** yang mencerminkan iltizam Kerajaan MADANI untuk “Melakar Semula Pembangunan” secara inklusif,

mampuan dan terangkum. Melalui Strategi *Meningkatkan Penyediaan Perumahan Berkualiti, Berdaya Huni dan Terangkum*, penggubalan Akta PSB akan menjadi landasan perundangan kukuh bagi menjadikan proses pembaharuan semula bandar sebagai pemangkin bandar yang menyatukan pembangunan dengan nilai manusiawi.

19. Tanpa RUU PSB, proses pembaharuan semula bandar akan mengambil masa yang **sangat panjang**, terdedah kepada **manipulasi pihak-pihak berkepentingan** dan **mengurangkan potensi peningkatan nilai ekonomi** yang boleh merencatkan landskap pembangunan negara secara keseluruhannya. Oleh itu, RUU ini memperkukuh perundangan bagi memastikan pembaharuan semula bandar dilaksanakan dengan tatakelola yang **telus, tangkas dan berintegriti**.
20. Sebanyak **122 sesi libat urus** telah dilaksanakan di seluruh negara dengan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Pada hari esok, KPKT melalui PLANMalaysia akan mengadakan satu lagi sesi bertajuk **DISKUSI ILMIAH: TRANSFORMING OUR CITIES FOR A BETTER URBAN FUTURE – “Revitalise, Regenerate & Redevelop”** di dewan ini. Sesi ini akan menghimpunkan badan profesional, wakil penduduk, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta semua pihak berkepentingan. Saya mengalu-alukan kehadiran semua untuk menyertai sesi diskusi ilmiah tersebut.

21. Sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa komited, prihatin dan menyantuni suara rakyat, KPKT **menyambut baik segala pandangan untuk menambah baik RUU PSB** dengan hati terbuka. Sekiranya terdapat cadangan yang baik, KPKT bersedia untuk membuat pindaan berkaitan dan membawanya ke Parlimen agar kita dapat meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di kawasan bandar yang usang dan daif.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

22. Seperti peribahasa Melayu, '*yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing*', majlis ini mencerminkan tekad kita bersama untuk melaksanakan **pembaharuan semula bandar dan transformasi ke arah bandar pintar**, agar **tiada komuniti yang tertinggal dalam arus pembangunan**.

23. Dalam kesempatan ini, saya menyeru kepada:

- a) **Perancang bandar dan pengurus-pengurus bandar** untuk mengintegrasikan pendekatan bandar pintar dalam tadbir urus.
- b) **Pihak swasta** untuk terus melabur dalam pembangunan, teknologi, inovasi dan infrastruktur bandar pintar.
- c) **NGO dan komuniti** untuk memperkukuh kesedaran serta penglibatan masyarakat, termasuk memanfaatkan aplikasi digital dan platform pintar.
- d) **Badan profesional** untuk memperkasa profesion perancang bandar.

e) **Akademia** untuk melahirkan generasi perancang bandar yang mampu mendepani cabaran.

24. Inilah tanggungjawab kolektif kita — kerajaan, swasta, komuniti, profesional dan akademik untuk memastikan agenda pembaharuan semula bandar serta pembangunan bandar pintar yang mampan dapat direalisasikan demi kesejahteraan rakyat dan masa depan negara.

Para hadirin sekalian,

25. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada **Perbadanan Putrajaya** selaku **Bandar Tuan Rumah (Host City)**. Terima kasih juga kepada semua yang terlibat dalam majlis ini sama ada secara fizikal ataupun melalui FB Live PLANMalaysia.

26. Marilah kita bersama-sama menjadikan Hari Perancangan Bandar Sedunia ini sebagai satu titik tolak baharu untuk memperkukuh azam dan tekad kita dalam **membina bandar untuk rakyat, oleh rakyat, demi rakyat**.

27. Semoga perbincangan sepanjang empat (4) hari NPC ini akan melahirkan gagasan segar serta tindakan nyata demi masa depan Malaysia yang lebih harmoni dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.